

1974

IPOH, 13 SEPT (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI BERIKHRAR UNTUK MEMPERBAIKI LAGI SUSUNAN PENTADBIRAN DAN KEKURANGAN KEMUDAHAN DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH SELURUH NEGARA, TERUTAMANYA DI KAWASAN LUAR BANDAR SEBAGAI LANGKAH MENGATASI MASAALAH KECICIRAN.

BELIAU JUGA BERJANJI UNTUK MENGIKUT DENGAN DEKAT KEMAJUAN ATAU KEMUNDURAN KESEMUA SEKOLAH YANG MEMPUNYAI CUKUP KEMUDAHAN DAN YANG TIDAK PULA KURANG KEMUDAHAN PENTADBIRAN.

BERUCAP MERASMIKAN HARI UCAPAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN RAJA PEREMPUAN DI SINI, DR. MAHATHIR MENEGASKAN SALAH SATU TUGAS UTAMANYA LALAH UNTUK Mencari JALAN SUPAYA KEKURANGAN YANG TERDAPAT DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH KHASNYA DI KAWASAN LUAR BANDAR DAPAT DIPERBETULKAN DENGAN SEGERA.

MENURUTNYA, BELIAU MEMANDANG BERAT MASAALAH TERSEBUT KERANA LAPURAN KECICIRAN YANG DIKEMUKAKAN KEPADA KERAJAAN BARU-BARU INI MENUNJUKKAN SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH LUAR BANDAR LEBIH BANYAK MENGALAMI MASAALAH KECICIRAN DARIPADA SEKOLAH-SEKOLAH DALAM BANDAR.

INI, TERANG BELIAU, DISEBABKAN OLEH BERBAGAI FAKTOR TERMASUK KEMISKINAN, DORONGAN, SIKAP KAUM GURU TERHADAP MURID-MURID DAN KEKURANGAN KEMUDAHAN SERTA ASAS YANG LEMAH.

+SAYA BERPENDAPAT BAHAWA ASAS PELAJARAN YANG KUAT DI SEKOLAH RENDAH SEBELUM MURID-MURID BERPINDAH KE SEKOLAH MENENGAH AMATLAH PENTING DAN FAKTOR-FAKTOR SEPERTI KEMISKINAN, DORONGAN DAN KEMUDAHAN FIZIKAL MEMPUNYAI PERTALIAN YANG POSITIF DENGAN KEMAJUAN PELAJARAN DI PERINGKAT SEKOLAH RENDAH,+ UJAR BELIAU. -- BERSAMBUNG 1537/LK

571:
MAHATHIR 2 IPOH

UNTUK MENCAPAI MATLAMAT TERSEBUT BELIAU AKAN MENKKAJI PENTADBIRAN SEKOLAH-SEKOLAH JENIS ITU DI PERINGKAT KEMENTERIAN DAN NEGERI DAN JIKA PERLU MEMPERBAIKI LAGI SUSUNAN PENTADBIRANNYA SUPAYA USAHA UNTUK MEMBETULKAN KEADAAN KEKURANGAN DAPAT DIJALANKAN DENGAN BERKESAN DAN TERATUR.

MENURUTNYA, UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT YANG TEPAT TENTANG KEDUDUKAN SEKOLAH-SEKOLAH ITU DAN MURID-MURIDNYA BELIAU AKAN MENUMPUKAN LEBIH BANYAK MASA DAN TENAGA MELAWAT SEKOLAH-SEKOLAH YANG TERPENCIL.

WALAUPIUN BELIAU AKAN KURANG MELAWAT SEKOLAH-SEKOLAH DALAM BANDAR YANG MENDAPAT SEGALA KEMUDAHAN MODEN, BELIAU AKAN MENKKAJI KEMAJUAN MEREKA MELALUI LAPURAN PEPERIKSAAN DAN LAIN-LAIN LAPURAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PENYELIA-PENYELIA DAN PIHAK PENTADBIR SEKOLAH-SEKOLAH BERKENAAN.

+JIKA INI TIDAK MENCUKUPI SAYA DAN PEGAWAI-PEGAWAI KEMENTERIAN SAYA AKAN MEMINTA LAIN-LAIN LAPURAN, + TAMBAH DR. MAHATHIR.

+PIHAK KEMENTERIAN AKAN JUGA MENKKAJI SEBARANG TEGURAN YANG DIBUAT TERHADAP MANA-MANA SEKOLAH MELALUI SURATKHABAR SERTA LAIN-LAIN JURUSAN. +

DR. MAHATHIR MAHU MURID-MURID YANG BERLAJAR DI SEKOLAH-SEKOLAH YANG MEMPUNYAI CUKUP KEMUDAHAN MENCAPAI KEMAJUAN PELAJARAN YANG LEBIH TINGGI SUPAYA PERUNTUKAN BERJUTA-JUTA RINGGIT YANG DIBELANJAKAN UNTUK MEREKA TIDAK SIA-SIA SAHAJA.

TEGASNYA, BELIAU MEMANDANG BERAT TERHADAP SEKOLAH-SEKOLAH DEMIKIAN YANG GAGAL MENCAPAI KEMAJUAN SEJAJAR DENGAN PERBELANJAAN KERAJAAN. — BERSAMBUNG 1545/LK

572:
MAHATHIR 3 IPOH

MENTERI ITU JUGA MENGINGATKAN BAHAWA KERAJAAN SENTIASA MEMBERI PELUANG YANG SAMA KEPADA MURID-MURID LELAKI DAN PEREMPUAN KERANAN HANYA RAKYAT YANG BERPELAJARAN SAHAJA DAPAT MENJAMIN KEMAKMURAN DAN KESELAMATAN NEGARA.

DISAMPING ITU, BELIAU MAHU MURID-MURID PEREMPUAN MENITIKBERATKAN PELAJARAN URUSAN RUMAHTANGGA, UGAMA DAN AKHLAK SAMA DENGAN MATA-MATA PELAJARAN YANG LAIN.

KATANYA, + INI PERLU KERANA SEBAGAI KAUM WANITA MEREKA TIDAK DAPAT LARI DARI MEMAINKAN PERANAN SEBAGAI IBU APABILA BERUMAHTANGGA KELAK DAN JUGA BAGI MEMBERIKAN DIDIKAN DAN KASIH SAYANG YANG CUKUP KEPADA ANAK-ANAK MEREKA KELAK. +

MENYENTUH TENTANG HUBUNGAN ANTARA SEKOLAH DAN MASYARAKAT, DR. MAHATHIR BERKATA PIHAK PENTADBIR SEKOLAH PERLU MENDEKATKAN DIRI DENGAN TOKOH-TOKOH TEMPATAN SERTA Mencari JALAN SUPAYA MEREKA MENGENALKAN DIRI MEREKA DENGAN SEKOLAH DAN KEJAYAANNYA.

PIHAK PENTADBIR JUGA HARUS BERUSAHA SUPAYA SATU KERJASAMA YANG RAPAT UJUD ANTARA SEKOLAH DAN MASYARAKAT SEKELILING.

BELIAU BERPENDAPAT MASYARAKAT TEMPATAN PATUT MENGGALAKKAN SEMANGAT PERLUMBAAN DI KALANGAN SEKOLAH-SEKOLAH SUPAYA MEREKA BERUSAHA MENDAPAT TEMPAT YANG TERBAIK DI SEGI KEJAYAAN KAUM PELAJAR.

DENGAN CARA INI PELAJARAN AKAN MENDAPAT PERHATIAN YANG BAIK BUKAN SAHAJA DARI KERAJAAN MALAHAN DARI PEGAWAI-PEGAWAI, GURU-GURU, TOKOH-TOKOH TEMPATAN DAN IBUBAPA SENDIRI, TAMBAHNYA. — BERNAMA 1557/LK